

11 APR 2001

AFTA-Konvensyen

KONVENSYEN IKS SEBAGAI PERSEDIAAN HADAPAI AFTA

KOTA BAHARU, 11 April (Bernama) -- Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) akan mendapat penjelasan dan pengetahuan mengenai pelaksanaan Kawasan Pasaran Bebas Asia (AFTA) melalui satu konvensyen anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kelantan pada Mei ini.

Yang Dipertuanya DPMM Kelantan, Nik Abdul Rahman Nik Taib berkata konvensyen itu akan memberi penjelasan berhubung kesan globalisasi pasaran antarabangsa ekoran pelaksanaan AFTA pada 2003.

Katanya bagi menghadapi pasaran terbuka itu pengusaha IKS perlu berani untuk berhadapan secara total dengan pengusaha-pengusaha asing dalam menghasilkan produk yang bermutu.

"Kita tidak mahu setelah AFTA dilaksanakan pengusaha masih mencari jalan bagaimana untuk menghadapinya," katanya pada sidang berita di sini hari ini.

Konvensyen Industri Kecil dan Sederhana (IKS) selama empat hari itu dengan tajuk "Persediaan Ke arah Perdagangan Global Menjelang AFTA 2003" akan dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Mei depan.

Beberapa kertas kerja akan dibentangkan seperti Peluang Perniagaan Baru Dalam Menuju Era Pasca AFTA dan Cabaran dan Halangan Dalam Mengharungi Globalisasi: Satu Kajian Kes, katanya.

Abdul Rahman berkata ucap utama konvensyen itu akan disampaikan oleh Penasihat Kementerian Kewangan Datuk Mustapa Mohamed.

Kira-kira 300 dan 400 orang peserta termasuk dari Brunei, Indonesia dan Thailand dijangka menghadiri konvensyen itu.

Peserta akan turut menyertai bengkel, pameran dan lawatan ke kilang-kilang perindustrian di Pengkalan Chepa, katanya.

-- BERNAMA

MNR RAR MOZ